

10.

dapatlah menumpukan sepenuh usaha dan tenaganya, bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek dan rancangan-rancangan, serta memastikan pencapaian matalamat dan tujuan setiap dasar dan program yang dilaksanakan itu.

13. Oleh itu, setiap pemimpin dari ahli Parti Pesaka Bumiputra Bersatu, mestilah menunaikan peranan dan tugas masing-masing bagi menjamin perpaduan, bukan sahaja wujud di kalangan ahli partinya, atau

di kalangan ahli parti-parti anggota Barisan Nasional, bahkan terjalin dengan eratnya di kalangan rakyat. Inilah faktor utama dan kewajipan kita, bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang bagi

Barisan Nasional dan parti seluruhnya serta kemajuan, kemakmoran, kebahagiaan dan keamanan bagi rakyat dan negara.